



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN (C.2-3 EB.4)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 EB KHAS \$2,690 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang *Audio and Video / Audio and Video Systems / Audio and Video Technology / Audio, Video and Broadcast Technology / Basic Engineering / Communication Engineering / Computer Engineering / Electrical Engineering / Electronic Engineering / Komunikasi Media / Multimedia / Teknologi Elektronik / Video and Audio Engineering* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Vision Mixer / Penolong Operesen / Penerbit Tingkat II / Penolong Penerbit atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Vision Mixer / Pengawas (Tukang Elektrik) / Penolong Jurukamera ENG / Penolong Perakam Suara ENG / Penolong Penyunting ENG / Penolong Susunan Rancangan / Penolong Penapis (Filem dan Pita) / Penolong Penerbit Tingkat I atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Penolong Operesen Rendah / Juruteknik Pemeliharaan Rendah / Pelatih Teknik / Penolong Persembahan Rendah / Penolong Penerbit Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Berkeyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.



3. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah merupakan kelebihan.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
5. Berkebolehan membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
6. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam hal ehwal kejuruteraan penyiaran / media penyiaran / perkembangan teknologi dari semasa ke semasa adalah merupakan kelebihan.
7. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan yang berkenaan;
2. Membaik-pulih dan pemeliharaan peralatan elektrik / peralatan elektronik / bangunan / perkakas bangunan / OB van / kenderaan dan memastikan ianya berfungsi dengan baik berdasarkan kepada penempatan (seksyen/unit) Penolong Juruteknik Pemeliharaan tersebut;
3. Memastikan perkhidmatan yang dipohonkan oleh bahagian / seksyen / unit yang berkenaan dengan hal ehwal tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Penolong Juruteknik Pemeliharaan tersebut dapat disediakan;
4. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan; dan
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.